

## PSB - Bahagian Arkib

---

**From:** Pusat Sukan  
**Sent:** Tuesday, 13 February, 2018 3:58 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Mohammad Zaki bin Ahmad  
**Subject:** 3 Emas, 3 Perak Dan 4 Gangsa Di SUKIPT 2018



13 FEBRUARI 2018 / 27 JAMADILAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)U

### 3 EMAS, 3 PERAK DAN 4 GANGSA DI SUKIPT 2018



**PSUKAN ONLINE :** Kontinjen Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya meraih tiga pingat emas, tiga pingat perak dan empat pingat gangsa di Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 baru-baru ini bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Pingat emas diraih menerusi acara silat olahraga dan golf, seterusnya pingat perak menerusi acara golf manakala pingat gangsa menerusi acara karatedo dan golf.

Bagi acara silat, pada aksi final yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM, Mohd Faiz Bin Mohd Zuki pesilat berasal dari Alor Setar, Kedah yang merupakan pelajar semester 5 Program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif itu meraih pingat emas dalam acara Putra Kelas A (45-50 kg) selepas berjaya menewaskan pesilat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kemenangan 5-0.

Sementara itu, pingat gangsa telah disumbangkan menerusi acara karatedo dalam kategori kata berpasukan wanita gandingan Zulfa'Izzati Binti Ahmad Puzi, Nur Faisya Arnisa Binti Sunny Seowfuddin dan Bee Choon Pang.

Manakala pingat gangsa terakhir UUM telah disumbangkan menerusi Nurul Hanis Binti Imar juga dalam acara karatedo kategori kumite wanita -68kg.

UUM menghantar tujuh acara sukan daripada 27 acara yang dipertandingkan pada kejohanan kali ini iaitu sofbol wanita, silat olahraga (L/W), karatedo (L/W), taekwando (L/W), memanah (L/W), bola sepak dan juga golf (L/W).

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Sukan Dr. Mohammad Zaki Bin Ahmad mengucapkan tahniah kepada atlet UUM di atas kejayaan yang diperolehi pada kali ini.

=====  
DARIPADA :  
PUSAT SUKAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
TEL : 04-9283560/3561  
FAX : 04-9283552  
EMAIL : [pusur@uum.edu.my](mailto:pusur@uum.edu.my)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.